

08/02/2001

Jawatankuasa desak penggiliran KM dihapus

KOTA KINABALU, Rabu - Jawatankuasa Bertindak Kumpulan Belia Pencinta Nusa Sabah akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mendesak supaya dimansuhkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diperkenalkan sejak 1994.

Memorandum yang sama juga akan dihantar kepada Yang di-Pertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, sebagai ketua kerajaan Sabah.

Sehubungan itu, mulai esok, jawatankuasa bertindak kumpulan terbabit akan melancarkan gerakan besar-besaran mendapatkan tandatangan rakyat di negeri ini berhubung dengan perkara itu.

Pengerusi jawatankuasa itu, Zulkarnian Mahdar mendakwa pihaknya mewakili suara rakyat di negeri ini yang mahu supaya sistem berkenaan dimansuhkan.

Ini, katanya, berdasarkan kajian pihak jawatankuasa sejak Jun tahun lalu yang mendapati kira-kira 90 peratus rakyat Sabah tidak menyokong sistem itu diteruskan.

"Sehingga kini, kami sudah mendapat kira-kira 6,000 tanda tangan rakyat Sabah di seluruh negeri yang bersetuju supaya sistem penggiliran Ketua Menteri itu dimansuhkan.

"Kebanyakan yang ditemui menyatakan, sistem penggiliran yang diamalkan sekarang ini tidak praktikal dan tidak bersesuaian dengan aspirasi rakyat negeri ini," katanya.

Beliau berkata pada sidang akhbar khas Jawatankuasa Bertindak Kumpulan Belia Pencinta Nusa Sabah berhubung sistem penggiliran Ketua Menteri di Hotel Berjaya Palace, petang ini.

Hadir sama, Setiausaha jawatankuasa itu, Masdir Husin dan enam ahli jawatankuasanya.

Sistem itu diperkenalkan pada 1994 oleh Dr Mahathir sebagai langkah mewujudkan kestabilan politik Sabah, dengan menggilirkan pemimpin tiga kaum utama menjadi Ketua Menteri setiap dua tahun.

Ia didahului dengan kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang di-Pertua Negeri) dan Datuk Seri Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas pilihan raya negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Datuk Osu Sukam dilantik Ketua Menteri sehingga hari ini. Penggal dua tahunnya dijadualkan tamat pertengahan bulan depan.

Zulkarnian berkata, pihaknya mensasarkan sebanyak 150,000 tandatangan akan diperolehi dari rakyat di negeri ini sehingga Mac depan.

Bagaimanapun beliau berkata, sebarang keputusan terserah kepada Perdana Menteri mengenai siapa yang sepatutnya menjadi Ketua Menteri.

(END)